

14 NOV 2002

Mawan-Wong/I (bergambar)

WONG BUAT KESILAPAN POLITIK, KATA MAWAN

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Datuk Amar James Wong, bekas presiden Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), telah melakukan kesilapan politik dengan gagal menyelesaikan krisis dalaman parti itu sehingga menyebabkan pendaftarannya dibatalkan awal bulan ini, kata pencabarnya, Datuk William Mawan Ikom.

Mawan, Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Negeri dan presiden penaja Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP), berkata kesilapan terbesar Wong ialah beliau tidak mendengar suara majoriti anggota akar umbi parti itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di ibu pejabat Barisan Nasional di sini selepas menyerahkan salinan permohonan SPDP untuk menyertai BN Sarawak.

Mawan berkata keputusan Pendaftar Pertubuhan untuk membatalkan pendaftaran Snap pada 5 Nov perlu diterima sebagai sesuatu yang muktamad dan tidak ada gunanya untuk mencabar keputusan itu kerana ia dibuat selepas satu siasatan dijalankan.

Beliau berharap kumpulan yang menyokong Wong akan menerima keputusan itu dan mengorak langkah baru, khususnya selepas Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata bahawa Snap perlu dipulihkan menerusi satu parti baru.

"Jika kamu pilih untuk ke mahkamah, masa tidak berada di pihak kamu," katanya.

Mawan berkata SPDP terbuka kepada semua bekas anggota Snap termasuk penyokong Wong.

Jemputan untuk menyertai parti itu juga telah disampaikan kepada Wong dan anaknya, Richard, yang merupakan Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Limbang, katanya.

"Ini adalah tanda muhibah dan persahabatan kerana kita mahu meneruskan perjuangan untuk penduduk Sarawak dan Malaysia amnya," kata Mawan.

-- BERNAMA

AT AHH JK MAI